

SURAH LUQMAN AYAT 14 : MENTAATI IBU BAPA



Baca dan persembahkan "Bicara Berirama".



Assalamualaikum kawan-kawan.



Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.



Kawan-kawan, sayang tak kepada ibu dan ayah?



Sayang, sayang, sayang, mestilah kami sayang.



Tahukah kawan-kawan, kenapa kita mesti menghormati ibu dan ayah?



Mestilah tahu kerana itu perintah Allah dan Rasul. Ibu melahirkan kita. Ibu mengasuh dan menjaga kita dengan penuh kasih sayang.



Ayah pula mencari rezeki untuk memberi kita makanan, pakaian dan belanja persekolahan serta membesarkan kita.



Ooo, begitu. Lagi, lagi, lagi?



Ibu dan ayah mendidik kita supaya menjadi anak yang baik.



Ooo... Barulah kami faham.



Sebab itu kita mesti menghormati ibu dan ayah.



Besarnya jasa ibu dan ayah. Islam mengajar kita supaya sentiasa patuh dan taat pada suruhan ibu bapa selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam.



Betul! Betul! Betul!



Apakah akibatnya jika kita tidak menghormati ibu dan ayah?



Ya, apa akan jadi jika kita tidak menghormati ibu bapa?



Kita akan mendapat dosa, hidup kita tidak akan diberkati dan kita mendapat azab di akhirat nanti.



Eeeeeee... takutnya! Takutnya! Apa lagi? Apa lagi?



Keluarga tidak bahagia dan keharmonian masyarakat terancam.



Isy, isy, isy, beratnya akibat tu!



Kalau begitu, apakah yang patut kita lakukan?



Sebagai seorang anak yang baik, kita mestilah sentiasa mendoakan kesejahteraan kedua-dua ibu bapa kita.

Kawan-kawan, tahukah doa untuk ibu bapa?



Tahu... tahu... tahu...



Mari kita berdoa bersama-sama.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَلِوَالِدَيْنَا
وَارْحَمْهُمْ كَمَا رَبَّوْنَا صِبْغًا



"Ya Allah, ampunilah dosa-dosa kami dan dosa kedua-dua ibu bapa kami serta kasihanilah mereka sebagaimana mereka mendidik kami ketika kami masih kecil."

Petunjuk

Merah: Sebab mentaati ibu bapa.
Ungu: Cara mentaati ibu bapa.

Biru: Akibat tidak mentaati ibu bapa.

Sila seret dan letakkan jawapan pada ruangan kotak di bawah dengan betul. Boleh rujuk nota di atas.

Ibu bapa mendidik anak supaya menjadi anak yang baik kerana pengorbanan jasa ibu dan ayah sangat besar.	Islam mengajar kita supaya sentiasa patuh dan taat pada suruhan ibu bapa selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam	Menyayangi ibu dan ayah.
Mendapat dosa dan hidup tidak akan diberkati.	Ayah mencari rezeki untuk memberi makanan, pakaian, belanja persekolahan serta membesarkan anak-anak.	Seorang anak yang baik, mestilah sentiasa mendoakan kesejahteraan kedua-dua ibu bapa.
Allah dan Rasul memerintahkan supaya mentaati ibu kerana ibu melahirkan, mengasuh dan menjaga dengan penuh kasih sayang.	Keluarga tidak bahagia dan keharmonian masyarakat terancam.	Mendapat azab di akhirat.

SEBAB MENTAATI IBU BAPA	CARA MENTAATI IBU BAPA	AKIBAT TIDAK MENTAATI IBU BAPA